



MENTERI SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### PENGGAJIAN PEKERJA ASING SUB SEKTOR PERKHIDMATAN TUKANG GUNTING RAMBUT, PEKERJA TEKSTIL DAN TUKANG EMAS

---

1. Pada hari ini, kertas bersama Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah membentangkan Memorandum Jemaah Menteri berkaitan dengan beberapa keputusan mesyuarat bersama kedua-dua kementerian yang telah diadakan pada 27 Jun 2023.
2. Dalam memorandum tersebut juga turut disertakan isu-isu berkaitan dengan tiga sub sektor perkhidmatan iaitu tukang gunting rambut, tekstil dan tukang emas. Pada 4 September 2023, YAB Perdana Menteri telah membuat pengumuman untuk membuka semula pengambilan pekerja asing bagi tiga sub sektor perkhidmatan tersebut yang sebelum **ini telah dibekukan sejak tahun 2009**.
3. Saya ingin memaklumkan bahawa pembukaan semula ini tidak bersifat menyeluruh dan akan berlandaskan kepada keperluan sebenar sub sektor tukang gunting rambut, tekstil dan tukang emas. Justeru itu, sebagai permulaan, setelah meneliti keperluan ketiga-tiga sub sektor tersebut, keputusan Jemaah Menteri pada hari ini telah memutuskan untuk membuka **kuota sebanyak 7500 orang bagi ketiga-tiga sub sektor tersebut**.
4. Langkah ini juga akan turut menghentikan kecenderungan majikan menggajikan warganegara asing tanpa dokumen pekerjaan yang sah.

Kita sedia maklum bahawa kecenderungan ini berpotensi besar berlakunya eksploitasi dan amalan buruh paksa.

5. Kementerian Sumber Manusia bersama-sama dengan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup akan memperhalusi mekanisme yang bersesuaian bagi tujuan pelaksanaan proses ini, kerana Kerajaan pada masa ini telah menghentikan permohonan dan kelulusan kuota pekerja asing. Justeru itu, mekanisme yang dibangunkan menitikberatkan perkara-perkara seperti berikut:
  - (a) permohonan tertakluk kepada perincian kuota yang ditetapkan mengikut tiga sub sektor ;
  - (b) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup selaku agensi kawal selia perlu menyelaras perincian kuota di atas dengan pihak industri bagi tujuan permohonan pekerja asing berdasarkan mekanisme yang akan ditetapkan;
  - (c) permohonan pekerja asing akan mengikut prosedur sedia ada dari segi saringan majikan di bawah **Seksyen 60K Akta Kerja 1955** dan verifikasi untuk kelulusan kuota termasuk melalui proses temuduga bersama Agensi Kawal Selia iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.
  
6. Saya yakin pengumuman ini akan membantu pengusaha masyarakat India yang terkesan selama ini akibat kesukaran mendapatkan pekerja tempatan sehingga menjejaskan kelangsungan operasi perniagaan serta berhadapan dengan risiko menutup perniagaan mereka.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR**  
**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**PUTRAJAYA**  
**8 SEPTEMBER 2023**